

## PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 2 TAHUN 2020

---

### **PENANGGUHAN AKTIVITI DAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA OLEH WARGA UMP BAGI MENGHADAPI PENULARAN WABAK COVID-19**

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil maklum perkembangan terkini mengenai penularan jangkitan COVID-19 berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

2. Sehubungan dengan itu, selaras dengan kenyataan dan gesaan terkini daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), adalah dimaklumkan bahawa pihak pengurusan Universiti Malaysia Pahang telah bersetuju memutuskan untuk :
  - i. Menangguhkan sebarang program atau aktiviti anjuran UMP yang melibatkan perhimpunan (*mass gathering*) orang awam di dalam atau di luar kampus UMP [Selaras dengan gesaan KKM]
  - ii. Menangguhkan penglibatan warga UMP ke program atau aktiviti anjuran luar yang melibatkan perhimpunan (*mass gathering*) orang awam [Selaras dengan gesaan KKM]
  - iii. Menangguhkan sebarang perjalanan ke luar negara atas urusan rasmi Universiti Malaysia Pahang atau urusan peribadi
3. Program atau aktiviti yang melibatkan perhimpunan (*mass gathering*) warga UMP sahaja di dalam kampus UMP masih boleh diteruskan dengan kawalan risiko dan langkah-langkah penjagaan yang disyorkan oleh Pusat Kesihatan Universiti selaras dengan tatacara dan prosedur yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Mana-mana warga UMP yang telah menghadiri perhimpunan (*mass gathering*) dan sekiranya mula mengalami gejala diminta untuk terus ke Pusat Kesihatan Universiti atau pusat-pusat kesihatan yang berdekatan untuk nasihat lanjut.

5. Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa **serta-merta sehingga tempoh yang akan dimaklumkan**. Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira peningkatan kes wabak COVID-19 yang ketara dalam tempoh terdekat disamping kawalan risiko penularan jangkitan di peringkat UMP.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Memasyarakatkan Teknologi”*

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. MADYA DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN)**

Ketua Pegawai Operasi / Pendaftar

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Bencana (JKBB)

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 12 Mac 2020

**Salinan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Ketua Pusatakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan